

12 SEP 1996

Pekerja

MASALAH KEKURANGAN PEKERJA TIDAK MENJEJASKAN KEDUDUKAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Masalah kekurangan pekerja tidak menjejaskan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan, kata Timbalan Perdana Menteri Korea Selatan, Dr Han Seung-Soo hari ini.

"Saya berpendapat ia menandakan pertumbuhan pesat ekonomi Malaysia dan bukan menandakan kelemahan," kata beliau pada persidangan berita di sini sebelum mengakhiri lawatan dua harinya ke Malaysia.

Katanya, dalam pertemuan dengan pelabur Korea semalam, mereka menyuarakan perhatian berat terhadap kekurangan pekerja mahir di negara ini dan juga masa yang diambil bagi mendapatkan permit kerja.

Dr Han berkata: "Saya berpendapat bahawa pelabur Korea yang datang ke sini untuk melabur telah mengambil kira faktor itu.

Menurut beliau, banyak negara yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat menghadapi masalah kekurangan pekerja dalam sektor tertentu ekonomi.

Dr Han berkata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahunya bahawa Malaysia mengambil pelbagai langkah untuk peralihan daripada pekerja tidak mahir kepada pekerja mahir melalui program latihan semula.

Ketika ditanya sama ada beliau membangkitkan kemungkinan Korea Selatan meningkatkan pelaburan di Malaysia dalam rundingannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Anwar, Dr Han berkata: "Kami membincangkan bukan sahaja tahap pelaburan tetapi pelbagai kerjasama ekonomi."

Beliau berkata, antara 1991 dan 1995, pelaburan Korea Selatan di Malaysia berjumlah melebihi AS1.2 bilion menerusi lebih 100 projek.

-- BERNAMA

MAM FAZ